

27 NOV 1999

Pembangkang-Anwar

PAKATAN PEMBANGKANG TETAP MAHU ANWAR JADI PERDANA MENTERI

PETALING JAYA, 27 Nov (Bernama) -- Pakatan pembangkang masih berpegang kepada persetujuan awalnya untuk melantik Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri walaupun bekas Timbalan Perdana Menteri itu tidak bertanding pada pilihan raya umum ini.

Pada persidangan berita di sini hari ini, Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM) Dr Syed Husin Ali berkata, persetujuan Pas, Dap, Keadilan dan PRM tidak pernah berubah walaupun media melaporkan beberapa pemimpin lain berkecenderungan menjadi Perdana Menteri.

Pakatan yang menamakan diri mereka barisan alternatif pada September lalu bersetuju agar Anwar menjadi Perdana Menteri sekiranya barisan alternatif dapat membentuk kerajaan selepas pilihan raya umum kali ini.

Ketika ditanya bagaimana Anwar yang tidak bertanding pada pilihan raya boleh dilantik ke jawatan itu, Syed Husin berkata, barisan alternatif mempunyai caranya tersendiri termasuk mengosongkan kerusi salah seorang daripada anggota parlimen pakatan itu dan diganti dengan Anwar.

Anwar, 52, kini menjalani hukuman penjara enam tahun kerana kesalahan rasuah kerana menyalahgunakan kuasa. Beliau juga sedang dibicarakan terhadap tuduhan liwat.

Akhbar hari ini melaporkan Pensyarah Ekonomi Universiti Malaya, Prof. Jomo K. Sundaram sebagai berkata Syed Husin merupakan salah seorang tokoh pembangkang yang layak menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Ketika diminta mengulas kenyataan itu, Syed Hussin berkata: "Ketika ini tumpuan saya hanyalah untuk menghadapi pilihan raya. Jika Barisan Alternatif menang, Anwar Ibrahim akan jadi Perdana Menteri."

Menurut Jomo, Syed Husin memperolehi undi tertinggi daripada lima calon pembangkang yang dikatakan layak menjadi Perdana Menteri berdasarkan pungutan suara menerusi internet.

Beliau juga berkata PRM mahu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan sekiranya barisan alternatif berjaya menidakkan majoriti dua per tiga pada pilihan raya ke-10 Isnin ini.

Beliau berkata ini berdasarkan kata-kata Mahathir, yang jika BN gagal kekalkan majoriti dua per tiga, itu adalah satu kegagalan bagi mereka.

"Peluang bagi barisan alternatif untuk menidakkan majoriti dua per tiga Barisan Nasional (BN) adalah cerah, berdasarkan laporan-laporan yang telah diterima dari parti-parti dalam barisan alternatif di peringkat cawangan," katanya.

Semasa ditanya mengenai laporan bahawa ramai anggota Keadilan telah keluar daripada parti termasuk yang berjawatan tinggi, Syed Husin berkata mereka berbuat demikian kerana "dibeli oleh parti lawan".

-- BERNAMA

RZS MEO NMO